


**AGRO
BANK**

SOALAN-SOALAN LAZIM

KEMPEN IMBAS, BAYAR DAN MENANG

NO.	SOALAN	JAWAPAN																	
1	Siapakah penganjur bagi Kempen ini?	Kempen ini dianjurkan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)																	
2	Apakah tujuan “Kempen Imbas, Bayar dan Menang”?	Kempen ini dianjurkan bertujuan untuk memberi galakan kepada semua Pelanggan Agrobank untuk menggunakan DuitNow QR, MyDebit dan FPX Agrobank sebagai kaedah utama bagi urusan pembayaran disamping berpeluang memenangi hadiah yang ditawarkan melalui Kempen ini.																	
3	Berapa lamakah tempoh Kempen ini akan dijalankan?	Kempen ini akan dijalankan bermula dari 15 Februari sehingga 15 Jun 2026 .																	
4	Apakah konsep Syariah bagi Kempen ini?	Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat) . Berdasarkan prinsip Hibah Mu’allaqah, pihak Agrobank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Agrobank dan dikenal pasti sebagai pemenang.																	
5	Siapakah yang layak menyertai Kempen ini?	a. Kempen ini terbuka kepada Pelanggan baharu dan sedia ada Agrobank berumur 18 tahun dan ke atas. b. Segala transaksi pembelian mestilah untuk segala jenis barangan dan perkhidmatan yang patuh Syariah.																	
6	Bagaimanakah Pelanggan boleh menyertai Kempen ini?	Mekanisma Kempen <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th><th>Mekanisma</th><th>Mata Penyertaan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>DuitNow QR</td><td>Membuat pembayaran minimum RM10</td><td>1x</td></tr> <tr> <td>FPX</td><td>Membuat pembayaran dalam talian minimum RM50</td><td>1x</td></tr> <tr> <td rowspan="2">AGRO Debit Card-i</td><td>Membuat pembelian runcit minimum RM50</td><td>1x</td></tr> <tr> <td>Membuat pembayaran tol (tiada amaun minimum)</td><td>1x</td></tr> <tr> <td>Pelanggan Tidak Aktif*</td><td>Melakukan transaksi pertama melalui DuitNow QR (min. RM10), FPX (min. RM50), MyDebit runcit (min. RM50) atau MyDebit tol (sebarang amaun).</td><td>5x</td></tr> </tbody> </table> Nota: 1. Minimum Mata Penyertaan untuk layak memenangi Hadiah Bulanan (100 Mata Penyertaan), Hadiah Pertama (500 Mata Penyertaan), dan Hadiah Utama (800 Mata Penyertaan). 2. *Pelanggan yang tidak aktif menggunakan DuitNow QR, FPX, atau MyDebit selama tiga (3) bulan sebelum Tempoh Kempen.	Kategori	Mekanisma	Mata Penyertaan	DuitNow QR	Membuat pembayaran minimum RM10	1x	FPX	Membuat pembayaran dalam talian minimum RM50	1x	AGRO Debit Card-i	Membuat pembelian runcit minimum RM50	1x	Membuat pembayaran tol (tiada amaun minimum)	1x	Pelanggan Tidak Aktif*	Melakukan transaksi pertama melalui DuitNow QR (min. RM10), FPX (min. RM50), MyDebit runcit (min. RM50) atau MyDebit tol (sebarang amaun).	5x
Kategori	Mekanisma	Mata Penyertaan																	
DuitNow QR	Membuat pembayaran minimum RM10	1x																	
FPX	Membuat pembayaran dalam talian minimum RM50	1x																	
AGRO Debit Card-i	Membuat pembelian runcit minimum RM50	1x																	
	Membuat pembayaran tol (tiada amaun minimum)	1x																	
Pelanggan Tidak Aktif*	Melakukan transaksi pertama melalui DuitNow QR (min. RM10), FPX (min. RM50), MyDebit runcit (min. RM50) atau MyDebit tol (sebarang amaun).	5x																	



SOALAN-SOALAN LAZIM

KEMPEN IMBAS, BAYAR DAN MENANG

7	Apakah Hadiah yang ditawarkan untuk Kempen ini?	Kategori	Hadiah	Bil. Pemenang
		Hadiah Utama	Motosikal Honda ADV160	1 Pemenang
		Hadiah Pertama	Telefon Pintar iPhone 17 Pro Max	2 Pemenang
		Hadiah Bulanan	RM300	10 Pemenang/bulan
8	Bagaimanakah hadiah yang dimenangi oleh Pelanggan akan diberikan kepada pemenang?	Hadiah (wang tunai) bagi Hadiah Bulanan akan dikreditkan ke dalam akaun Agrobank pemenang selepas pemilihan pemenang telah dibuat. Kesemua hadiah yang dimenangi oleh pemenang akan diberikan kepada pemenang dalam masa enam puluh (60) hari bekerja selepas tamat Tempoh Kempen.		
9	Bolehkah Pelanggan memenangi lebih daripada SATU (1) Hadiah dalam Kempen ini?	Pemenang hanya layak memenangi SATU (1) Hadiah Bulanan sepanjang Tempoh Kempen. Walaubagaimanapun, Pemenang yang telah memenangi Hadiah Bulanan layak untuk memenangi Hadiah Utama atau Hadiah Pertama sekiranya menepati Mata Penyertaan yang telah ditetapkan.		
10	Bagaimanakah Pelanggan akan dimaklumkan jika mereka terpilih sebagai pemenang dalam Kempen ini?	Nama pemenang akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my . Pemenang akan dihubungi menggunakan maklumat terkini yang diberikan kepada pihak Agrobank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya tiga (3) kali panggilan. Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi walaupun ketiga-tiga panggilan telah dibuat, pihak Agrobank berhak untuk menawarkan hadiah yang dimenangi kepada pemenang simpanan.		
11	Adakah pihak Agrobank akan memaklumkan kepada Pelanggan sekiranya ada perubahan terhadap Terma dan Syarat Kempen?	Agrobank berhak untuk membatalkan atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi Kempen ini dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Agrobank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Agrobank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my .		


**AGRO
BANK**

SOALAN-SOALAN LAZIM

KEMPEN IMBAS, BAYAR DAN MENANG

12	Adakah Pemenang dibenarkan untuk menukar hadiah yang diperolehi dengan bentuk / barangan lain?	Pemenang tidak dibenarkan untuk menukar hadiah yang diperolehi dengan barangan lain dan tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga.
13	Siapa yang perlu Pelanggan hubungi sekiranya memerlukan penjelasan atau pertanyaan lebih lanjut mengenai Kempen ini?	Pelanggan boleh menghubungi pihak Agobank melalui medium seperti di bawah:- i. Hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476 atau ii. Layari laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my; atau iii. Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.

Nota: Soalan Lazim ini adalah untuk rujukan umum sahaja. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Terma & Syarat penuh dan mendapatkan pengesahan daripada Agrobank bagi maklumat produk yang lebih terperinci.